

No. Sebut Harga : PJK(S)/SH/01/2022

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

**Kementerian/Jabatan:
POLITEKNIK JELI
JALAN RAYA TIMUR BARAT,
17600 JELI, KELANTAN.**


1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Pelupusan Secara Jualan Sisa (Lampiran 1)	85 unit	85.00

2. Aset boleh dilihat pada 29 November 2022 pada hari Selasa hingga 30 November 2022 (Rabu) di antara 9.00 pagi hingga 3.30petang di Unit Pengurusan Stor Politeknik Jeli, Jalan Raya Timur Barat, 17600 Jeli , Kelantan.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda **No. Sebut Harga: PJK(S)/SH/01/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**PENGARAH
POLITEKNIK JELI
JALAN RAYA TIMUR BARAT,
17600 JELI, KELANTAN**

5. Tarikh tutup sebutharga pada 07 Disember 2022 (Hari Rabu) jam 12.00 tengahari.
6. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(HJ ULA'IMI BIN YAHYA)
Pengarah
Politeknik Jeli , Jalan Raya Timur Barat,
17600 Jeli Kelantan.
Tarikh:
Cop:

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam **bentuk Draf Bank** sahaja atas nama **PENGARAH POLITEKNIK JELI**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*'as-is-where-is basis'*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **tujuh (7) hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.